

'Selaras imbuhan perumahan'

» CUEPACS
kemuka 23 syor
penambahbaikan

► Putrajaya

CUEPACS mencadangkan penyelarasan imbuhan tetap perumahan kepada RM450 sebulan untuk semua penjawat awam dan penurunan faedah pinjaman perumahan daripada empat peratus kepada satu peratus.

Timbalan Presidennya, Azih Muda, berkata cadangan itu antara 23 syor yang dikemukakan kesatuan berkenaan kepada Suruhanjaya Khas Mengenai Transformasi Perkhidmatan Awam.

"Perkara yang kita beri tekanan kepada suruhanjaya adalah isu perumahan. Lonjakan harga rumah, dengan gaji penjawat awam menyebabkan mereka tidak mampu memiliki rumah," katanya selepas pembentangan penambahbaikan perkhidmatan awam di bangunan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di sini, semalam.



Azih Muda (duduk kiri) bersama ahli jawatankuasa CUEPACS selepas sesi pembentangan penambahbaikan perkhidmatan awam di JPA, Putrajaya, semalam. FOTO AHMAD IKHAM MOHD NOOR/BERNAMA

Syor selaras COLA

Turut dicadangkan ialah pelarasan elaun bantuan sara hidup (COLA) kepada RM400 sebulan berbanding RM150 dan RM300 pada masa ini serta cadangan menaikkan elaun tetap keraijan.

Beliau berkata, semua cadangan itu diharap dapat dilaksanakan tahun depan.

"Kita juga minta 22 klasifikasi perkhidmatan yang diberi persetujuan untuk dinaik taraf (dalam Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA)) daripada gred 17 kepada gred 27 seperti juruteknik, renjer hutan, pembantu pertanian berkuat kuasa 1 Januari 2012," katanya.

Beliau berkata, CUEPACS turut membentangkan 23 isu penjawat awam pada masa ini serta 24 cadangan penambahbaikan untuk memberi pengiktirafan kepada penjawat awam.

BERNAMA



Emel ke

bhnews@bharian.com.my
atau SMS RakanBH untuk
berkongsi pendapat.